

BAB III

METHODOLOGI

Perkataan methodologi mempunyai erti yang tersendiri iaitu "ilmu tentang cara mengadakan penelitian". Ia berasal dari Bahasa Yunani iaitu "methodos" yang bermaksud "cara" dan "logos" yang membawa 1 2 3 erti "ilmu". Oleh itu methodologi bererti ilmu tentang cara. Di bidang ilmiah, method adalah merupakan satu masalah yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Sesuatu penelitian itu akan mempunyai mutu yang tinggi apabila setiap method yang digunakan di dalam penyelidikan itu tepat serta sesuai dengan objek dan tujuan.

Dalam kajian dan penulisan tertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa method yang tertentu.

1
Ivan Barnedib, Arti Method Sejarah Pendidikan,
Penerbitan FIP - IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51.

2
Koentjaraningrat (Ed.), Method-Method Penelitian Nasional,
cetakan , Penerbit P.T. Gramedia, Jakarta, 1977, Hal. 16.

3
1919.

Method-method ini dapat dibedakan kepada dua jenis inilah:

1. Method Pengumpulan Data.
2. Method Analisa Dan Penulisan Data.

Dalam Bab I, penulis telah menerangkan secara ringkas mengenai method-method ini. Bagi penguraian yang lebih jelas lagi penulis akan menguraikannya secara terperinci tentang method-method tersebut dan penggunaannya dalam kajian ini.

1. Method Pengumpulan Data.

Makna pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan juga menafsirkan data-data tersebut. Dalam usaha penyusunan kerangka projek ini, penulis telah menggunakan beberapa method untuk mendapatkan data dan fakta yang diperlukan. Data dan fakta itu diperolehi dari beberapa sumber iaitu melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Di sini penulis akan mengutarkan method-method yang digunakan dalam usaha pengumpulan data. Di mana method itu digunakan, prosedurnya dan sumber data yang digunakan.

1. Method Temubual (Interview).

Method temubual (interview) memberi erti cara yang digunakan "untuk mendapatkan keterangan dan pendirian secara lisan dari seorang responden dengan berdasarkan berhadap mutu dengan orang itu". Ini adalah method utama yang penulis gunakan dalam kerjas projek ini.

Dalam latihan ilmiah ini, penulis telah menggunakan method ini dalam Bab IV (Laporan Penyelidikan) iaitu untuk mendapatkan maklumat mengenai proses penubuhan Rancangan Takmir Masjid/Surau, perlaksanaan, dasar konsep dan masalah yang berhubung kait dengannya.

Method ini amat penting dalam kajian ini kerana ia dapat membantu penulis bagi membuat method observasi (pemerhatian) dalam perkara yang berkaitan dengan program Takmir ini. Penulis telah membuat temubual dengan beberapa pihak yang berkaitan dan mempunyai hubungan secara langsung dengan Rancangan Pengajian Takmir ini.

Diantara pihak yang ditemubual ialah :

1. Pegawai Penyelaras Guru-guru Takmir Masjid/Surau Negeri Pahang.

2. Pegawai Takmir Masjid Daerah Temerloh.

3. Guru-guru Takmir Masjid Daerah Temerloh.

4. Sejumlah penduduk yang terlibat mengikuti pengajian Takmir Masjid/Surau ini.

Method wawancara adalah penting dalam kajian ini untuk mendapatkan keterangan, pendirian, data-data empirikal dari individu-individu tertentu. Melalui temubual yang telah penulis jalankan banyak permasalahan yang dapat penulis simpulkan untuk dikemukakan dalam Bab IV dan Bab V bagi membuat laporan penyelidikan dan membolehkan penulis membuat beberapa cadangan dan saranan.

ii. Method Historis.

Method Historis bererti "suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian". Ia adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Dalam kajian ini Method Historis digunakan dalam Bab I (Pendahuluan). Manakala

dalam usaha untuk mendapatkan data yang bersifat historis ini pula penulis telah menggunakan dokumen dan temuduga yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti.

III. Method Dokumentasi.

Method Dokumentasi bermaksud "cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan dan studi terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti". Dokumen membawa erti "benda, tertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan". Dokumen itu terdiri dari kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadil, gambar-gambar, potret dan sebagainya".⁶

Dalam penyelidikan ini, penulis telah memperolehi dokumen-dokumen dari Jabatan Agama Islam Pahang, Pejabat Kadhi Daerah Temerloh dan beberapa buah perpustakaan.⁷

Dalam penyelidikan ini, Method Dokumentasi digunakan di dalam tiga bentang :

⁶ ibid, hal. 55.

⁷ ibid, hal. 49.

1. Latarbelakang Masalah.
2. Landasan Teori.
3. Rumusan Masalah.
4. Laporan Penyelidikan.

Penulis juga telah memasukkan Al-Quran dan Hadis di dalam penulisan ini. Penggunaannya terdapat dalam Bab II (Landasan Teori). Al-Quranul Karim dan Sunnah Rasulullah S.A.W. digolongkan sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber yang, tertulis dan terjamin keasliannya. Ia digunakan untuk menguatkan lagi penerangan yang telah dikemukakan.

Diantara dokumen-dokumen yang penulis gunakan untuk memperolehi data dan fakta ini ialah :

- i. Al-Quran Al-Karim dan Hadis Rasulullah S.A.W.
- ii. Fail-fail Laporan Tahunan dari Jabatan Agama Islam Pahang, Pejabat Kadhi Daerah Temerloh dan Pejabat Penerangan Temerloh.
- iii. Buku-buku, majalah-majalah, surat khabar, kertas kerja, bahan-bahan tertulis dan bahan-bahan yang berkaitan dengan subjek yang dibuat penyelidikan.

Uleh itu Method Dokumentasi amat penting dalam membantu penulis mendapatkan bahan-bahan dalam kajian.

iv. Method Pemerhatian (Observasi).

Penggunaan Method Observasi juga amat penting dalam kajian ini di samping Method Interview, Historis dan Dokumentasi. Method Observasi berarti "cara pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek penilitian".

Semasa pemerhatian ini dibuat, penulis telah membuat tinjauan di beberapa buah surim yang terdapat Guru-guru Takmir. Penulis telah mendampingi beberapa orang yang telah dilantik untuk mengajar di masjid dan surau. Perkara ini dilakukan untuk melihat sejauhmanakah pengajian ini berjalan.

Method ini digunakan oleh penulis dalam membuat kajian untuk dimuatkan dalam Bab IV (Laporan Penyelidikan). Contohnya, penulis mengadakan observasi dari satu tempat ke satu tempat bagi mengenal pasti kejayaan dan kelemahan yang wujud dari proses pengajaran Takmir ini. Pengalaman penulis juga yang sering mengintuitif pengajaran Takmir ini membantu penulis membuat beberapa andalan.

v. Method Kaji Selidik.

Soal selidik ialah "suatu daftar yang berisikan atau rangkaian mengenai pertanyaan tentang sesuatu hal atau sesuatu bidang". Dalam menyiapkan kertas projek ini, penulis telah menggunakan method soal selidik iaitu dengan menyediakan borang-borang soal selidik kepada masyarakat kampung yang mengikuti pengajian Takmir di masjid-masjid dan surau-surau di Daerah Temerloh.

Method ini membantu penulis di dalam mendapatkan data dan maklumat untuk membuat penilaian di atas sambutan dan sokongan masyarakat terhadap pengajian ini. Di samping itu juga ia membantu penulis untuk melihat keberkesanan dan kefahaman yang diperolehi oleh masyarakat.

Penggunaan method kaji selidik ini adalah jelas setali di dalam Bab IV di mana penulis telah meneliti setiap borang yang dipenuhi untuk dianalisa. Seterusnya membantu penulis untuk melihat kejayaan dan kelemahan yang terdapat dalam Rancangan Pengajian Takmir ini.

⁹ (Cent) Branningras, DR.II, hal. 219.

2. Method Analisa Dan Penulisan Data

Setelah semua data dan maklumat terkumpul, maka ia perlu dianalisa sebelum sesuatu kesimpulan dibuat. Dalam membuat analisa dan penulisan data ini, penulis telah menggunakan beberapa method iaitu :

- i. Method Induktif.
- ii. Method Deduktif.
- iii. Method Komparatif.

i. Method Induktif.

Ia adalah suatu cara menganalisa data melalui "pola berfikir yang memberi pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil yang bersifat umum".¹⁰ Ia juga boleh dikatakan sebagai menganalisa sesuatu yang bersifat khusus untuk kesimpulan yang bersifat umum.

Dalam analisa dan penulisan data ini, Method Induktif digunakan dalam Bab II Landasan Teori). Sebagai contoh penulis telah terlebih dahulu mengemukakan agama Islam masa kini dan proses penyebaran Islam. Kemudian dibuat kesimpulan dari pernyataan yang dibentangkan.

Method ini juga digunakan dalam membuat penganalisaan pada Bab IV (Laporan Penyelidikan), di antaranya penulis menguraikan peranan Guru-guru Tamim secara keseluruhannya dan kemudian membuat kesimpulan secara umum.

Dalam Bab V penulis telah membuat beberapa kesimpulan dari apa yang dibentangkan secara khusus untuk penulis membuat pernyataan secara umum.

ii. Method Deduktif.

Selain daripada Method Induktif, penulis juga menggunakan Method Deduktif untuk membuat analisa dan penulisan data. Method Deduktif bererti "pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak dengan dalil umum terhadap hal-hal khusus". Di sini penulis telah membuat kesimpulan dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan bukti dan dasar pokok membuat kesimpulan yang lebih bersifat khusus.

Contoh penggunaan method ini adalah dalam Bab IV dimana penulis telah menyajikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Guru-guru Tamim dalam menjalankan tugasnya serta sebagaimana pengaruhnya terhadap diri

surau. Penulis juga telah mengemukakan masalah itu satu persatu.

Dalam Bab V, penulis membuat kesimpulan secara umum hasil dari beberapa permasalahan yang ditemukan secara umum.

iii. Method Komparatif.

Ia bererti "cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data dan fakta yang diperolehi dalam masa penelitian dijalankan. Semua pandangan dan pendapat dikumpul dan dibuat perbandingan dengan adil dan saksama dan seterusnya dibuat kesimpulan berdasarkan bukti dan kenyataan yang benar dan sahih."